

**PANDUAN KEPADA PEMILIK PREMIS UNTUK MENAWARKAN LATIHAN  
LIBERALISASI KEPADA AHLI FARMASI PROVISIONAL (PRP)**

1. Hanya premis-premis yang telah disenaraikan dalam [\\_Senarai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) dan disiarkan dalam laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) sahaja layak untuk bertindak sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi (FLL) PRP.
2. Untuk menyenaraikan mana-mana premis sebagai FLL PRP, premis tersebut perlu ada sekurang-kurangnya satu Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (Fully Registered Pharmacist (FRP)) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dan beliau perlu mengemukakan [Borang Permohonan Akreditasi Premis Sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) dan Pengiktirafan Preseptor](#) bersama-sama dokumen sokongan yang **DISAHKAN** \* kepada Setiausaha LFM melalui **pos** di alamat:

**Setiausaha**

**Lembaga Farmasi Malaysia**

**Kementerian Kesihatan**

**Malaysia Lot 36, Jalan Universiti**

**46200 PETALING JAYA**

3. Borang –borang yang diterima oleh Setiausaha LFM akan diproses dan permohonan yang **LENGKAP** serta pemohon yang **LAYAK** dan memenuhi [Syarat-syarat Kelayakkan Sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) yang diterima sebelum tarikh tutup sahaja akan dijemput untuk menghadiri satu [Bengkel Training of Preceptors \(TOP\)](#) yang dianjurkan oleh Lembaga Farmasi Malaysia. Pemohon yang gagal hadir ke bengkel ini akan dijemput semula pada tarikh TOP yang seterusnya. Kehadiran ke bengkel ini adalah **WAJIB**. Mana-mana pemohon yang gagal untuk menghadiri bengkel ini melebihi **dua (2) kali** jemputan, permohonannya akan digugurkan secara automatik. Permohonan baru perlu dikemukakan semula sekiranya pemohon masih berminat untuk berdaftar sebagai FLL PRP.


4. Pemohon-pemohon yang berjaya menghadiri Bengkel TOP tersebut akan mendapat dua jenis kelulusan iaitu:
  - a) **Akreditasi Premis sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL) PRP**
  - b) **Pengiktirafan Sebagai Preseptor**


Kedua-dua jenis akreditasi ini adalah hanya **SAH** untuk tempoh masa **LIMA (5) TAHUN** sahaja bermula dari tarikh menghadiri TOP. Setiap lima tahun preseptor bagi premis terbabit perlu memperbaharui akreditasi ini melalui mengemukakan borang [Borang Permohonan Akreditasi Premis Sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) dan Pengiktirafan Preseptor](#)

5. Nama premis yang telah berjaya mendapat akreditasi sebagai FLL PRP selepas bengkel TOP akan disiarkan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) dalam laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) dalam masa yang terdekat.
6. Mana-mana FLL yang disenaraikan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) tidak melatih mana-mana PRP untuk tempoh masa tiga (3) tahun akan dibatalkan pendaftarannya sebagai FLL secara automatik tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

**Nota Penting:** Preseptor –preseptor yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan sebagai preseptor hanya boleh mula melatih PRP setelah nama premis mereka disiarkan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#). Sila baca dengan sepenuhnya '[Tanggungjawab preseptor di Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#)' sebelum mula melatih PRP.

### Carta Aliran Untuk Pendaftaran sebagai FLL





\*dokumen sokongan boleh disahkan oleh mana-mana ahli farmasi atau doctor yang berdaftar di Malaysia

\*\*maksimum dua(2) kali jemputan sahaja